



Soalan Lazim



Hubungi Kami

Aduan dan
Maklum Balas

Peta Laman

Utama

Profil Kementerian ▾

Piagam Pelanggan

Hubungi Kami ▾

Utama Arkib 2017 Petikan Akhbar Utusan Malaysia - TRX: 80% Dibeli Pelabur

Utusan Malaysia - TRX: 80% Dibeli Pelabur

🕒 Rabu, Dis 06 2017



MENARA IJM (kanan) di sebelah Menara Signature setinggi 106 tingkat giat dalam pembinaan sekarang. UTUSAN/AIZZUL A.MAJID

Antara pelabur di TRX

- Lend Lease**
 - Melibatkan nilai pembangunan kasar sebanyak RM2 bilion
 - Membangunkan Lifestyle Quarter
- HSBC Malaysia**
 - RM1.06 bilion
 - Menara pejabat
 - Affin Bank Berhad
 - RM255 juta
- UIC Corporation**
 - Menara pejabat
 - RM500 juta
 - Menara pejabat
- WCT Berhad**
 - RM754.8 juta
 - Pakej infrastruktur
 - RM223 juta - Pembangunan kawasan kediaman
- Mulla Group**
 - RM665 juta
 - Membangunkan Signature Tower setinggi 106 tingkat
- Veolia Water Technologies**
 - Menandatangani perjanjian konsesi kitar semula dan rawatan air selama 20 tahun

Oleh ZUNAIDAH ZAINON
ekowin@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 5 DIS.

HAMPUR 80 peratus daripada kawasan di bahagian utara Tun Razak Exchange (TRX) telah dibeli oleh pelabur dan dijangka lebih rancak selepas ini dengan pembangunan HSBC Malaysia dan Affin Bank.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, TRX juga mempunyai beberapa pelabur lain, antaranya China Construction Bank dan Lend Lease.

"Atas sebab itu, kerajaan tidak akan menangguhkan sebarang projek pembangunan di TRX memandangkan keseluruhan pelan utama telah diluluskan sebelum ini.

"Saya memberikan contoh IJM Corporation Bhd. (IJM), mereka membeli tanah di sini dan membuat pembinaan yang akhirnya berjaya menarik penye-

wa seperti Prudential yang menyewa 84 peratus daripada keseluruhan bangunan ini kerana kawasannya yang strategik," katanya selepas majlis penyempurnaan binaan bangunan setinggi 27 tingkat di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan IJM, Datuk Soam Heng Soon dan Ketua Pegawai Eksekutif TRX City Sdn. Bhd., Datuk Azmar Talib.

Setakat ini, 70 peratus dari-

gunkan IJM di TRX dengan kerja-kerja struktur utama bermula sejak Januari 2017 dan mengambil masa 10 bulan. Projek itu melibatkan kira-kira 500 pekerja pembinaan.

Pada November lalu, IJM mengumumkan untuk membuat pelaburan dan membangunkan menara pejabat bernilai RM500 juta yang akan menjadi ibu pejabat syarikat insurans antarabangsa, Prudential.

Projek tersebut yang dijangka siap pada Disember 2018 telah 84 peratus disewakan. Prudential dijangka berpindah ke bangunan tersebut pada 2019.

Mengenal kebimbangan berlakunya lebih banyak unit tidak terjual, Johari berkata, pema-ju harus mengetahui keperluan pasaran dan memasarkan produk mereka bagi mengelakkan berlaku lebih banyak lambakan terutama melibatkan ruang pejabat dan pusat beli-belah.

Ini kerana, katanya, terdapat

pemaju yang tidak mengambil kira bekalan sedia ada dan membuat pembinaan baharu dengan sewenang-wenangnya.

"Kerajaan mengambil kira banyak faktor apatah lagi terdapat laporan yang menunjukkan 13 juta kaki persegi pusat beli-belah dan 42 juta kaki persegi bagi ruang pejabat tidak didiami menjelang 2018.

"Bagaimanapun, jika pema-ju mengenal pasti ada kawasan tertentu yang mengalami masalah kurang bekalan, tidak ada masalah jika mereka kemukakan cadangan kepada Kementerian dan memberi justifikasi mereka terhadap pembangunan di kawasan berkenaan," katanya.

Dalam pada itu, Heng Soon berkata, secara keseluruhan, IJM terlibat dengan tiga projek pembangunan di TRX iaitu reka dan bina bangunan HSBC dengan kontrak bernilai RM392 juta, Menara Prudential dan kerja-kerja struktur utama dan asas oleh Affin Bank.

Pekeliling
Perbendaharaan

BISNES

AGENSI

WARGA

Perkhidmatan MOF

Perkhidmatan Atas Talian

Aplikasi Mudah Alih

Laman Mikro

e-Penyertaan & Maklumbalas

Statistik & Prestasi

Pautan

Agensi

Hubungi Kami



Kementerian Kewangan Malaysia
No. 5 Persiaran Perdana, Presint 2,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62592 WP PUTRAJAYA

☎ 03-8000 8000

📠 03-88823893 / 03-88823894

✉ [pro\[at\]treasury\[dot\]gov\[dot\]my](mailto:pro[at]treasury[dot]gov[dot]my)



[Dasar Privasi](#) | [Dasar Keselamatan](#) | [Penafian](#) |
[Peta Laman](#) | [Bantuan](#) | [Arkib](#) | [Undian](#)

© **Hakcipta Terpelihara Kementerian Kewangan Malaysia.**

Paparan terbaik menggunakan pelayar internet Safari, Chrome atau Firefox yang terkini.

Kemaskini terakhir: **12 Februari 2020** | Jumlah Pelawat: **27637216**

